

**TARIKH**  
**MEDIA**  
**MUKA SURAT**

**8.7.2019 (ISNIN)**  
**BERITA HARIAN**  
**4**

## Hasil tanaman baharu tingkat pendapatan peneroka

**Rompin:** Program Pembangunan Peneroka (PPP) FELDA bagi meningkatkan pendapatan peneroka melalui hasil tanaman baharu dilancarkan semalam dengan peruntukan geran RM1 bilion. Peruntukan itu akan disalurkan secara berperingkat selama tempoh empat tahun.

FELDA, dalam satu kenyataan, menjelaskan PPP adalah antara inisiatif terbaru di bawah Model Baharu FELDA yang dibentang kerajaan sebelum ini, bagi mengelakkan warga peneroka bergantung kepada tanaman kelapa sawit semata-mata. Ini kerana harga komoditi itu

ketika ini tidak stabil disebabkan persaingan sengit negara jiran serta tindakan diskriminasi Kesatuan Eropah (EU).

"PPP merangkumi aktiviti yang berasaskan program tanaman selingan dan ternakan yang mampu melahirkan hasilnya dalam tempoh yang singkat selain berupaya

menjalini tunai yang konsisten," menurut kenyataan itu.

Pelancaran PPP disempurnakan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sempena Sambutan Hari Peneroka FELDA peringkat kebangsaan 2019 di FELDA Selancar 3, di sini semalam. Menurut kenyataan itu, FELDA

juga mengambil langkah proaktif dengan menandatangani beberapa MoU termasuk antara Encorp Berhad yang bertindak mewakili kumpulan FELDA dengan Amanrata Bismi Sdn Bhd dengan Next Gen Agrigroup Pte Ltd untuk kerjasama ladang berteknologi tinggi.